

# 'Ke mana pun tetap bersama'

Oleh Zuliaty Zulkiffli  
am@hmetro.com.my

## Baling

“Arwah seorang kakak yang ceria dan sangat baik, malah dua anaknya sangat rapat dengan ibu mereka, nak ke mana-mana pun mereka mesti bersama,” kata Mohd Asyraf Ibrahim, 34.

Mohd Asyraf adalah adik kepada Masyitoh Ibrahim, 37, yang meninggal dunia selepas kereta Proton Persona yang dinaiki bersama dua anaknya terbabas lalu terjunam ke dalam Sungai Muda di Jambatan Syed Omar, Jalan Sungai Petani-Baling, kelmarin.

Menurutnya, kali terakhir dia bertemu dengan arwah kakaknya itu pada sambutan Hari Raya Aidilfitri yang lalu dan hubungan mereka seperti biasa.

Katanya, dua anak saudaranya, Muhammad Ziyad Zikri Sharudin, 7, dan Mu-



GAMBAR kenangan Masyitoh bersama dua anaknya yang turut maut.

hammad Ziyad Haziq, 5, pula seorang anak yang baik dan memanggilnya dengan gelaran pak cik.

“Cuma ketika kejadian, dua beradik itu mengikut ibu mereka ke gotong-royong di sekolah mereka iaitu di Sekolah Kebangsaan Kampung Selarong manakala abang sulung mereka, Muhammad Ziyad Hadif, 10, pula tidak ikut.

“Saya terkejut dengar ber-

gotong-royong di sekolah mereka iaitu di Sekolah Kebangsaan Kampung Selarong manakala abang sulung mereka, Muhammad Ziyad Hadif, 10, pula tidak ikut.



KERETA mangsa diangkat naik menggunakan kren.

ita yang menimpa mereka melalui salah seorang abang dan bergegas ke sini dengan harapan mereka ditemui selamat tapi reda apabila mereka disahkan meninggal dunia,” katanya ketika ditemui di lokasi pencarian tiga beranak itu di Jambatan Syed Omar, Jalan Sungai Petani-Baling, semalam.

Menurut Mohd Asyraf, sebelum ini arwah kakaknya menetap di Pekan Kuala Ketil dan baru berpindah ke Sungai Petani.

Katanya, jenazah tiga be-

ranak itu dijangka dikebumikan di kampung halaman mereka di Bukit Pinang di Alor Setar sejurus selepas urusan bedah siasat selesai.

Rakan mangsa yang enggan dikenali berkata, dia nampak perubahan sikap arwah dan dua anaknya ketika program gotong-royong di sekolah, malah tiga beranak itu banyak mendiamkan diri.

Katanya, arwah seorang yang

baik dan sebelum ini ceria tapi bertukar pendiam.

“Saya masih terbayang wajah dua anak arwah bermain depan mata saya dan terkejut juga apabila dimaklumkan kereta yang dinaiki mereka terjunam ke dalam sungai yang tular di media sosial,” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Sementara itu, bapa dua kanak-kanak terbabit, Sharudin Aziz, 51, gagal menahan sebak sebaik melihat jasad anak-anaknya itu dibawa masuk ke dalam kenderaan polis.

Katanya, dia hanya mengetahui kejadian itu pada jam 7 malam selepas rakan-nya memberitahu ternampak nombor pendaftaran kereta seakan nombor kenderaannya.

“Saya bergegas ke sini untuk melihat apa yang berlaku kerana ada saksi nampak kereta itu hanyut dan tenggelam dalam sungai,” katanya.



ANGGOTA bomba membawa naik jasad tiga beranak.



“  
Saya bergegas ke sini dengan harapan mereka ditemui selamat  
Mohd Asyraf

**Baling:** Polis masih menjalankan siasatan berhubung kemalangan yang menyebabkan tiga beranak meninggal dunia selepas kereta Proton Persona yang dinaiki mereka terbabas dan terjunam ke dalam sungai di Jambatan Syed Omar, Jalan Sungai Petani-Baling, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Baling

## Kereta terbabas terjatuh dalam sungai

Superintendan Shamsudin Mamat berkata, hasil siasatan mendapati kemalangan itu berlaku pada 6.30 petang itu membabitkan Proton Persona dari arah Kuala Ketil menghala ke arah Sungai Petani.

Beliau berkata, sebaik ti-

ba di lokasi kejadian, kenderaan itu dipercayai hilang kawalan ke kiri jalan dan terbabas lalu jatuh ke dalam Sungai Muda sempadan Baling dan Sungai Petani.

“Kesemua mangsa ditemui berada di dalam ke-

retanya yang tenggelam dalam sungai berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Shamsudin berkata, mangsa yang meninggal dunia disahkan sebagai Masyitoh Ibrahim, 37, guru agama Sekolah Kebangsaan

Kampung Selarong manakala dua anaknya, Mohd Ziyad Zikri Sharudin, 7, dan Mohd Ziyad Haziq, 5.

“Jasad ketiga-tiga mangsa dibawa ke Hospital Kulim untuk bedah siasat dan dilakukan selepas memperolehi keputusan ujian Co-

vid-19.

“Kenderaan mangsa dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Baling untuk siasatan lanjut dan disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

“Kita sedang mengesan saksi kejadian itu untuk membantu siasatan,” katanya.